

# Mercy, Unicef bela nasib kanak-kanak

**K**UALA LUMPUR: Mercy Malaysia dan Unicef Malaysia semalam menandatangani memorandum persefahaman untuk bekerjasama dalam membantu kanak-kanak dan masyarakat di negara ini.

Presiden Mercy Malaysia, Datuk Dr Jemilah Mahmood, berkata Mercy Malaysia berbangga kerana dapat bekerjasama dengan pihak Unicef untuk membantu membela nasib kanak-kanak di Malaysia.

"Banyak aspek yang perlu diberi perhatian dalam kerjasama ini, fokus utamanya adalah untuk memastikan kanak-kanak terutama yang tinggal di pedalaman seperti di Sabah dan Sarawak mendapat bantuan pendidikan, kesihatan, dan perlindungan yang sewajarnya," katanya.

Mercy dan Unicef Malaysia menasaskan kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak berikutan kesinambungan daripada usaha yang pernah dilakukan dulu selain ingin meninjau perkembangan kehidupan penduduk di sana.

"Kami dan Unicef Malaysia memandang serius masalah kanak-kanak yang tidak dapat ke sekolah kerana masalah tiada dokumen pendaftaran sah dan menjadi tugas kami memastikan mereka mendapat hak sewajarnya," katanya.